



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan kami: INTAN.600-3/1/3 (48)

Tarikh : 14 Ogos 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,


**PENYEBARLUASAN PEMAHAMAN KONSEP GAGASAN MALAYSIA
MADANI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah melancarkan gagasan Malaysia MADANI pada 19 Januari 2023 yang kini merupakan dasar utama Kerajaan pada hari ini.

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan

Leading Reform, Driving Change



PENGIKTIKIRAN MS ISO 9001 : 2015
NO. SUJIL : QMS 01894

3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah dipertanggungjawabkan untuk menyebarkan pemahaman terhadap gagasan ini kepada seluruh penjawat awam melalui latihan. Dalam hubungan ini, JPA melalui Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selaku institusi latihan utama sektor awam telah membangunkan Modul Latihan Malaysia MADANI Perkhidmatan Awam. Ini bagi memastikan setiap penjawat awam memahami dan menjiwai gagasan Malaysia MADANI. Terdapat dua (2) pendekatan yang telah dibangunkan iaitu:

- i. Slot Malaysia MADANI: *An Overview* (Slot Pengenalan Konsep); dan
- ii. Modul Latihan Malaysia MADANI Perkhidmatan Awam (MMPA).

4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam **Program Bicara Eksekutif Malaysia MADANI Penjawat Awam 2024 pada 21 Mac** lalu juga telah menggesa penjawat awam supaya bersikap positif dalam menghidupkan gagasan Malaysia MADANI. Untuk tujuan itu, jelas bahawa ia terlebih dahulu perlu difahami dan didalami oleh semua penjawat awam di setiap peringkat.

5. Sehubungan dengan itu, bagi merealisasikan hasrat ini, pihak INTAN telah diberi mandat untuk melaksanakan *Training of Trainers (TOT)* kepada semua Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri supaya kedua-dua pendekatan ini dapat disebarluaskan kepada semua warga Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

6. Hasil kerjasama dan penglibatan semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan juga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, bilangan penjawat yang telah dilatih melalui dua (2) pendekatan seperti di para 3 sehingga kini adalah **seramai 56,485 orang**. Namun begitu, bilangan ini dikira terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah penjawat awam secara keseluruhan. Oleh yang demikian, **inisiatif pelaksanaan program latihan MMPA perlu diteruskan dengan lebih agresif dan menyeluruh.**

7. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memastikan penglibatan semua penjawat awam di bawah seliaan masing-masing untuk mengikuti program latihan Malaysia MADANI. Dalam hal ini, INTAN akan menjadi penyelaras dari segi pelaporan pelaksanaan program ini melalui pegawai penyelaras yang telah dilantik di jabatan masing-masing.

8. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam menjayakan usaha ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri